



## 'KPM, KKM pantau penularan COVID-19 babitkan calon SPM'

Januari 30, 2023 @ 7:03pm

GEORGETOWN: Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) jika berlaku penularan wabak COVID-19 membabitkan pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), bermula 20 Februari nanti.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata jika berlaku penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan calon SPM dan sekolah, KKM mempunyai mekanisme dalam menguruskannya.

"Saya beri jaminan, calon SPM jangan risau dan kita sudah membuat segala persiapan dan persediaan itu (berhubung COVID-19), prosedur operasi standard (SOP) akan ditentukan KKM.

"Kita juga sentiasa minta nasihat KKM dari semasa ke semasa dan kita berdoa semoga dijauhkan ujian dan bala (COVID-19), supaya pelajar boleh tumpu untuk membuat persiapan SPM," katanya ketika soal jawab pada sesi Town Hall SPM 2022 yang diadakan secara maya, hari ini.

Sesi Town Hall itu disertai guru dan calon SPM dari seluruh Pulau Pinang.

Sementara itu, Fadhlina yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal berkata, beliau sudah mengadakan mesyuarat berkenaan belanjawan untuk kementerian dan tumpuan akan diberi dalam memperkasakan kaedah menguruskan potensi pelajar di sekolah sama ada dalam bidang sukan, seni atau kebudayaan.

"Komitmen kita mahu berikan tumpuan dan program hala tuju karier anak-anak yang berpotensi itu selepas SPM ini.

"Di sitolah nanti, kami akan berikan taklimat dengan hala tuju status anak-anak yang menjadi atlet pada negara khususnya," katanya ketika menjawab soalan seorang pelajar sama ada individu aktif bersukan terutamanya yang menjadi atlet negeri akan mendapat mata kredit atau biasiswa ketika menyambung pelajaran selepas SPM.

Kepada soalan mengenai senario ramai pelajar tidak mahu menyambung pelajaran selepas SPM kerana beranggapan rezeki ada di mana-mana, Fadhlina berkata, rakan sebaya perlu memainkan peranan memberi kesedaran dan nasihat mengenai kepentingan pendidikan.

"Katakan hari ini dia tidak berminat sambung belajar dan mahu bekerja dahulu..kerana keluarga susah, tetapi dia perlu ada niat untuk sambung belajar," katanya menambah setiap pelajar perlu memiliki ilmu dan berpendidikan tinggi supaya boleh menjadi manusia bermanfaat. – BERNAMA